



# BULETIN SEMARAK API



JULAI 2007

PERCUMA

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG  
 BBST BUSINESS PARK  
 PERSIARAN SATU  
 43900 SEPANG  
 TEL: 03-87782000  
 FAKS: 03-87782142  
 Web: www.mpsepang.gov.my

## TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM KAD PRESTASI PTD SEPANG & MPSepang



YDP dan peserta sedang mendengar taklimat

Satu taklimat pelaksanaan Sistem Kad Prestasi peringkat Pejabat Daerah Sepang dan MPSepang telah diadakan di Pan Pacific, KLIA pada 14 Jun lalu. Sesi ini diadakan bagi memberi pendedahan awal tentang pelaksanaan sistem ini dan PTD dan PBT Selangor telah dipilih dalam melaksanakan projek perintis tersebut.

### KANDUNGAN:

- TAKLIMAT PELAKSANAAN 1  
SISTEM KAD PRESTASI PTD  
SEPANG & MPSepang
- DIALOG RTD DITERUSKAN 1  
DIPERINGKAT JPP
- DEWAN BAGINDA JAYA 1  
DIBERSIHKAN
- MPSepang TERIMA 1  
LAWATAN
- USAHA JPP SEPANG 2  
PERDANA PERANGI
- HARI KELUARGA JPP ZON 2  
SG. MERAB
- PELAJAR UPSR DIBERI 2  
PANDUAN
- PESTA CYBERJAYA 2  
MERIAH

## DIALOG RTD DITERUSKAN DI PERINGKAT JPP

Dialog RTD telah diteruskan diperingkat Jawatankuasa Perunding Penduduk zon sebagai langkah publisiti dan penyertaan awam yang lebih tepat. JPP Zon Sungai Pelek dan JPP Zon Sepang Perdana telah mengadakan dialog tersebut pada 13 Jun dan 15 Jun masing-masing.



Sepanjang Sesi Dialog



ANDA YANG BERMINAT  
 MENYUMBANG  
 PENDAPAT ATAU KARYA  
 SILA BERHUBUNG DENGAN:

Bahagian Perancangan  
 dan Perhubungan Awam,  
 Jabatan Perancangan Korporat,  
 BBST Business Park, Persiaran Satu,  
 43900 Sepang.

## DEWAN BAGINDA JAYA DIBERSIHKAN



Pengerusi JPP Sepang Utara turut sama membersihkan dewan

Sato gotong royong di Dewan Baginda Jaya, Kg. Dato' Abu Bakar Baginda telah diadakan pada 23 Jun lalu. Aktiviti tersebut telah mendapat sambutan yang baik dari penduduk setempat.

## MPSepang TERIMA LAWATAN



Sesi dialog

Pada 29 Jun lalu, MPSepang telah menerima lawatan dari MSC Management Services Sdn. Bhd. dan Safa Rayaheh dari Iran bagi bertukar-tukar idea berkenaan perkembangan ICT

## USAHA JPP SEPANG PERDANA PERANGI DADAH

Satu program Kempen Pendidikan, Kesedaran dan Pencegahan Dadah telah dianjurkan oleh JPP Sepang Perdana bertempat di perkarangan Dewan Orang Ramai Taman Putra Perdana pada 30 Jun lalu. Antara aktiviti yang diadakan adalah persembahan artis, ucapan dan ceramah.

**Ikrar barisan  
belia dan  
kanak-kanak  
basmi dadah**



## HARI KELUARGA DI ZON JPP SG. MERAB



**Pemberian hadiah oleh YB**



**Pertandingan *boling* kelapa  
oleh kaum bapa**

Dalam usaha mengukuhkan institusi kekeluargaan, JPP Sungai Merab telah menganjurkan Hari Keluarga di Desa Pinggiran Putra pada 17 Jun lalu. Program telah dijalankan dengan baik melalui perisian acara sukaneka. Turut hadir Y.B Tn. Hj. Suhaimi b. Mohd. Ghazali, ADUN Kawasan Dengkil. Program telah diadakan di persekitaran Dewan Orang Ramai, Desa Pinggiran Putra.

## PELAJAR UPSR DIBERI PANDUAN

Satu Program Teknik Menjawab Soalan UPSR Tahun 6 telah diadakan pada 30 Jun lalu di SMK Cyberjaya dan dianjurkan bersama oleh JPP Zon Sg. Merab & Cyberjaya. Program ini diadakan sebagai langkah untuk memberi panduan kepada bakal-bakal calon UPSR untuk menghadapi peperiksaan yang bakal tiba. Program sebegini akan diteruskan pada masa-masa mendatang sebagai usaha menjadikan anak-anak Daerah Sepang cemerlang.



**Sepanjang program**

## PESTA CYBERJAYA MERIAH

Sempena ulang tahun Cyberjaya yang ke 10, satu pesta Cyberjaya telah diadakan pada 30 Jun lalu. Antara aktiviti yang telah diadakan adalah persembahan artis jemputan, pameran, pertunjukan kanak-kanak bermotor, jualan dan pameran kereta antik. Pesta tersebut telah bermula pada pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang. MPSepang turut sama mengambil bahagian melalui pameran yang telah diadakan.



**Lawatan ke pameran  
MPSepang**



**Pameran oleh MPSepang**